



TEKS UCAPAN ALUAN

**YBRS. Ts. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

DI

**MAJLIS PERASMIAN
PAMERAN PERDANA TEKNOLOGI NUKLEAR 2021**

SECARA MAYA

ISNIN, 13 DISEMBER 2021

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan

Ketua Setiausaha

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

YBrs. Dr. Abdul Rahim bin Harun

Timbalan Ketua Pengarah,

Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi,

YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan

Timbalan Ketua Pengarah,

Program Perkhidmatan Teknikal,

YBrs. Encik Mohd. Sidek bin Othman

Pengarah Kanan

Program Pengkomersilan dan Perancangan Teknologi,

YBrs. Dr. Muhammad Rawi bin Muhamed Zin

Pengarah Kanan

Program Pengurusan,

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

Wakil Industri dan pemegang taruh

Para jemputan yang saya hormati sekalian

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya pada hari yang bertuah ini kita semua diberi kesempatan untuk bertemu

walaupun secara dalam talian di Majlis Perasmian **Pameran Perdana Teknologi Nuklear** untuk tahun 2021.

2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Ketua Setiausaha MOSTI di atas kesudian beliau dalam menyempurnakan majlis perasmian pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa penganjuran di atas sumbangan dan kerjasama dalam menjayakan majlis ini.
3. Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), merupakan sebuah organisasi penyelidikan dan pembangunan (R&D) utama dalam bidang sains dan teknologi nuklear di Malaysia yang terus memainkan peranan aktif dan menyumbang kepada pelaksanaan dan pencapaian dasar-dasar sains dan teknologi kebangsaan.
4. Sejarah teknologi nuklear di Malaysia bermula awal tahun 1897 dimana Malaysia telah menerima sebuah mesin x-ray pertama yang ditempatkan di Hospital Taiping. Ini adalah hanya 15 bulan selepas x-ray dicipta oleh Roentgen pada November 1895. Ini menunjukkan

betapa cepatnya penerimaan Malaysia terhadap teknologi baru pada masa itu. Namun, hanya selepas lawatan Allahyarham Tun Dr Ismail ke BATAN, Indonesia pada tahun 1970 barulah tercetusnya cadangan untuk menerokai bidang Sains dan Teknologi Nuklear secara lebih serius dibuat. Malaysia seterusnya melangkah ke era nuklear yang sebenarnya pada jam 5 petang, 28 Jun 1982 apabila Reaktor TRIGA PUSPATI mencapai kritikaliti pertama. Sejak itu Nuklear Malaysia tidak lagi memandang kebelakang dalam usahanya memajukan teknologi nuklear untuk keamanan.

5. Sehingga ke hari ini, Nuklear Malaysia teguh berkembang maju melaksanakan R&D&C&I dalam bidang sains dan teknologi nuklear disamping memberi khidmat sokongan teknikal dan latihan dalam bidang nuklear dan teknologi yang berkaitan.
6. Pameran Perdana Teknologi Nuklear yang dahulunya dikenali sebagai Nuclear Technology Preview and Showcase adalah signature event atau agenda penting untuk mempamerkan output R&D dalam bentuk produk, perkhidmatan, Latihan dan pengetahuan

baru. Ini selaras dengan agenda negara untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Melalui Program Pameran Perdana Teknologi Nuklear 2021 ini, saya percaya ia dapat meningkatkan keupayaan modal insan dan mengiktiraf sumbangan pegawai penyelidik, ahli akademik serta industri dalam mempromosi sains dan teknologi terutamanya aplikasi teknologi nuklear untuk pembangunan yang mampan.

7. Program Pameran Perdana Teknologi Nuklear ini telah masuk kali ke-6 penganjurannya pada tahun ini, yang mana julung kalinya diadakan tahun 2009. Program secara dwi-tahunan ini telah mendapat sambutan yang meriah dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat.
8. Untuk tahun 2021 ini, program ini sangat berbeza dan boleh saya katakan sangat istimewa dengan siri penganjurannya kerana ianya diadakan sepenuhnya secara maya berikutan situasi pandemik Covid-19 yang sedang berlaku di seluruh dunia termasuk Malaysia. Penganjuran secara fizikal yang biasa diadakan sebelum ini tidak

dapat dilaksanakan untuk mengawal penularan Covid-19 dan mematuhi standard prosedur operasi (SOP).

9. Adalah menjadi harapan saya agar program ini akan menemukan para penyelidik dengan pihak akademik dan pihak industri dalam memperkasakan hala tuju bidang penyelidikan ke arah pengkomersilan produk serta menunjukkan kemampuan para penyelidik tempatan dalam mencari penyelesaian kepada permasalahan di peringkat industri. Semoga dengan usaha ini, ianya dapat menyemarakkan semangat semua keluarga Nuklear Malaysia dalam melaksanakan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan serta inovasi teknologi nuklear.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

10. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk KSU di atas kesudian Datuk untuk hadir dan seterusnya merasmikan **Pameran Perdana Teknologi Nuklear, Nuklear Malaysia 2021** ini. Saya amat berharap agar semua hadirin akan mendapat manfaat

daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sepanjang penganjuran **Pameran Perdana Teknologi Nuklear, Nuklear Malaysia 2021** ini.

11. Saya juga berharap agar semua yang terlibat sentiasa mengekalkan momentum dalam memberi tumpuan kepada penyelidikan bidang keutamaan STI yang merupakan satu sokongan terhadap aktiviti pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) negara yang sentiasa seiring dengan perkembangan teknologi agar terus kekal relevan serta mengeratkan jalinan kolaborasi dengan institut penyelidikan, universiti, agensi kerajaan serta industri dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum wbt.